

Tarikh : 23 Mei 2022

No. Rujukan : EF18210001

Kepada : Pihak Berkepentingan

Tuan/Puan,

**UNDANGAN UNTUK MEMBERI KOMEN TERHADAP AUDIT PENSIJILAN MSPO KE ATAS FGV HOLDINGS PLANTATION SDN BHD - JERANGAU BARAT COMPLEX**

FGV Holdings Plantation Sdn Bhd telah melantik SIRIM QAS International Sdn. Bhd. untuk menjalankan audit pensijilan terhadap "*Malaysian Sustainable Palm Oil*" (MSPO), MS 2530:2013 di unit pengurusannya.

MSPO MS 2530:2013 adalah standard kebangsaan yang membolehkan peladang/pekebun kecil dan pengilang kelapa sawit untuk meningkatkan aspek kelestarian dalam pengeluaran minyak sawit. Dengan pensijilan MSPO ini, peladang/pekebun kecil dan pengilang kelapa sawit dapat membuat kenyataan umum mengenai produk mereka yang dikeluarkan secara lestari.

Berikut adalah merupakan aspek-aspek kelestarian yang dibincangkan dalam Standard MS 2530:2013 Malaysia:

- Komitmen dan tanggungjawab pihak pengurusan
- Ketulusan
- Pematuhan kepada undang-undang
- Tanggungjawab sosial, kesihatan dan keselamatan pekerjaan
- Pemeliharaan alam sekitar, sumber asli, kepelbagaian bio dan ekosistem
- Amalan pertanian terbaik
- Pembangunan untuk penanaman pokok sawit baru

Lanjutan daripada ini, adalah dimaklumkan audit MSPO akan dijalankan seperti berikut:


1. Nama unit pengurusan	: <b>FGV Holdings Plantation Sdn Bhd - Jerangau Barat Complex</b>
2. Tarikh mula audit	: <b>27 Jun 2022</b>
3. Tarikh akhir audit	: <b>29 Jun 2022</b>
4. Lokasi audit	: <b>21820 Ajil, Terengganu Darul Iman, Malaysia.</b>
5. Jumlah kawasan ladang kelapa sawit yang akan diaudit	: <b>(Ladang Chador 01, Ladang Rantau Abang 1 and Ladang Rantau Abang 2)</b>
6. Standard yang digunakan	: <b>MS 2530-3:2013</b>
7. Ahli pasukan audit	: <b>1) Ahmad Kamal Shahabuddin</b> <b>2) Borhan Bin Abd Aziz</b>

Berhubung dengan perkara di atas, kami ingin menjemput pihak tuan untuk memberikan maklumbalas kepada kami (sekiranya ada) mengenai isu-isu di atas dengan mengembalikan borang jawapan yang dilampirkan **sebelum 27 Jun 2022**. Jika perlu, pasukan audit akan mengaturnya mesyuarat atau perbincangan melalui telefon semasa atau sebelum audit di lokasi bagi mendapatkan maklumat lanjut. Kami memberi jaminan bahawa sumber maklumat yang diterima akan dianggap sebagai sulit dan sebarang pendedahan terhadap sumber yang diterima adalah dengan persetujuan dari pihak tuan.

Jika pihak tuan mempunyai sebarang aduan mengenai audit atau rayuan atau pertikaian terhadap keputusan pasukan audit kami, pihak kami mempunyai proses dan prosedur aduan yang boleh didapati di laman web kami <http://www.sirim-qas.com.my>.

Sekian terima kasih.

Yang benar,

  
Kamini A P Sooriamoorthy  
Ketua  
Seksyen Makanan, Pertanian & Perhutanan  
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.



ACB ABMS 01  
ACB ENMS 01  
ACB FMC 02  
ACB GMP 04  
ACB HACCP 03  
ACB MSPO 05  
ACB PS 03  
MIBAS 003



ACB EMS 02  
ACB FSMS 01  
ACB ISMS 01  
ACB MDQMS 04  
ACB OSHMS 01  
ACB PC 01  
ACB QMS 01



SAMM 085  
SAMM 086  
SAMM 087  
SAMM 240  
SAMM 377  
SAMM 734  
SAMM 735



0074



**BORANG MAKLUM BALAS**

Untuk Perhatian:  
Cik Kamini A/P Sooriamoorthy  
Ketua Seksyen Makanan, Pertanian & Perhutanan  
SIRIM QAS International Sdn Bhd  
No. 1, Persiaran Dato' Menteri  
Section 2, 40700 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan.  
No. Tel. : 03-5544 6448  
No. Fax : 03-5544 6763  
E-mel : [kamini@sirim.my](mailto:kamini@sirim.my)

**MAKLUM BALAS MENGENAI AUDIT MSPO Di \_\_\_\_\_**

Saya merujuk kepada surat bertarikh ..... untuk audit MSPO di kawasan seperti di atas. Saya ingin mengesahkan bahawa:

- Saya tidak mempunyai isu untuk dibangkitkan terhadap audit yang akan dijalankan.
- Saya mempunyai isu-isu berikut terhadap audit yang akan dijalankan
  - Isu berkaitan pematuhan undang-undang Sila huraikan : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
  - Isu berkaitan aspek sosial Sila huraikan : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
  - Isu berkaitan alam sekitar Sila huraikan : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
  - Isu berkaitan kesihatan dan keselamatan Sila huraikan : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
  - Lain-lain Sila huraikan : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Saya ingin membuat perbincangan antara pasukan audit SIRIM dengan pihak berikut untuk lebih lanjut:

Nama : \_\_\_\_\_  
Jawatan : \_\_\_\_\_  
No. telefon . : \_\_\_\_\_  
Alamat e-mel : \_\_\_\_\_

Terima kasih

Yang ikhlas,

.....  
Nama : \_\_\_\_\_  
Alamat : \_\_\_\_\_  
No. Tel. : \_\_\_\_\_